

PENGARUH GAYA DAN AKTIVITI PENASIHATAN AKADEMIK  
TERHADAP KEBERKESANAN PERLAKSANAAN  
SISTEM PENASIHATAN AKADEMIK

HARTATI WIJI WAHYUNI



KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN



PERPUSTAKAAN UTHM



\*3000001883589\*



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PENGESAHAN STATUS TESIS

PENGARUH GAYA DAN AKTIVITI PENASIHATAN AKADEMIK  
TERHADAP KEBERKESANAN PERLAKSANAAN SISTEM  
PENASIHATAN AKADEMIK

SESI PENGAJIAN : 2006/2007

Saya **Hartati Wiji Wahyuni** mengaku membenarkan Tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. \*\* Sila tandakan (√)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD


(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh



(TANDATANGAN PENULIS)



(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:

JALAN WIJAYA RT. 19 NO 67  
BERUNTUNG JAYA, BANJARMASIN 70248  
KALINANTAN SELATAN, INDONESIA

PM DR. NORAINI BT. KAPRAWI

Nama Penyelia


Tarikh: 6-11-2006

Tarikh: 6-11-2006

CATATAN:

- \*\* Jika tesis sarjana ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu di kelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.

“Kami akui bahawa kami telah membaca tesis ini dan pada pandangan kami tesis ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional”



.....  
Pengerusi

PROF. MADYA Dr. MOKHTAR BIN YUSOF  
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

24 JUL 2006

.....  
Tarikh



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



.....  
Pemeriksa

PROF. MADYA Dr. MOHD. MAJID BIN KONTING  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia

24 JUL 2006

.....  
Tarikh



.....  
Pemeriksa

PROF. Dr. JAILANI BIN MD. YUNOS  
Fakulti Pendidikan Teknikal  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

24 JUL 2006

.....  
Tarikh

PENGARUH GAYA DAN AKTIVITI PENASIHATAN AKADEMIK  
TERHADAP KEBERKESANAN PERLAKSANAAN  
SISTEM PENASIHATAN AKADEMIK

HARTATI WIJI WAHYUNI


Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional



Jabatan Ikhtisas Pendidikan  
Fakulti Pendidikan Teknikal  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

November, 2006

“Saya akui tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.”

Pelajar : .....  .....

HARTATI WIJI WAHYUNI

Tarikh : ..... 6 - 11 - 2006 .....

Diselia oleh

Penyelia : .....  .....

PM DR. NORAINI BTE KAPRAWI



PTTAUTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

*Teristimewa buat Ibunda yang dikasih...*

*Hajah Siti Fatimah Suwarno*

*Doa dan Restumu senantiasa mengiringi langkahku.*

*Teristimewa buat Suami tercinta...*

*Muhammad Marsudi*

*Segala pengorbanan, dorongan, doa dan kasih sayangmu mengiringi perjuanganku,*

*Teristimewa buat anak-anakku tersayang...*

*Muhammad Yahya Aulia'urrahman*

*Muhammad Hanifa Khairurahman*

*Hana Aghnia Rusydayasmin*

*Kalianlah segalanya*



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

## PENGHARGAAN

*“Dengan Nama Allah yang maha pemurah lagi maha penyayang”*

**Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

Alhamdulillah syukur ke hadrad Allah S.W.T. atas limpahan rahmat dan kurniaNya, penulis dapat menyelesaikan tugas ilmiah ini. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W.

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih ditujukan kepada penyelia, Prof. Madya Dr Noraini Bte Kaprawi yang telah banyak meluangkan masa untuk memberikan, bimbingan, dorongan dan tunjuk ajar yang tidak ternilai disepanjang tempoh penyelidikan kajian ini. Ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada Prof. Madya Tn. Hj. Sapon Ibrahim dan Prof. Madya Nawawi B. Jusoh kerana sudi memberi arah panduan dan motivasi kepada penulis dalam menyelesaikan kajian ini.

Penghargaan yang tidak terhingga dan jutaan terima kasih juga ditujukan kepada kesemua pensyarah dan pelajar dari enam fakulti (FKAA, FKKE, FKMP, TPTEK, FTMM dan FPT) yang sudi meluangkan masa dan telah memberi kerjasama yang sepenuhnya sebagai responden dalam menjayakan kajian ini, serta semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di atas dorongan, teguran, tunjuk ajar dan nasihat di dalam menyiapkan kajian ini. Semoga Allah S.W.T memberikan balasan yang berlipat ganda atas jasa baik yang telah diberikan.

Tidak ketinggalan jutaan terima kasih ditujukan khas buat ibunda, suami, anak-anakku dan seluruh keluarga tercinta serta rakan rakan seperjuangan di KUiTTHO. Semoga kajian ini dapat memberi sumbangan dan manfaat kepada semua, Insya-Allah. Sesungguhnya semua yang baik datangnya dari Allah S.W.T dan segala kekurangan merupakan kelemahan diri sendiri.

Wasalam.

Penulis.



## ABSTRAK

Sistem Penasihat Akademik (SPA) adalah penting dalam pengurusan akademik bagi sesebuah institusi pengajian. SPA merupakan antara perkhidmatan pelanggan yang utama dalam 'core business' di kalangan pelajar, ianya juga suatu perkhidmatan yang menghubungkan antara hal-hal akademik pelajar dengan dunia keperibadian ke arah meningkatkan perkembangan menyeluruh bagi pelajar. Dalam pelaksanaan SPA, ada dua gaya yang diamalkan iaitu gaya preskriptif dan gaya perkembangan (*developmental*). Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti pengaruh gaya dan aktiviti penasihat akademik terhadap keberkesanan pelaksanaan SPA. Kajian ini merupakan kajian tinjauan berbentuk kuantitatif yang menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Seramai 603 orang yang terdiri daripada 137 orang Penasihat Akademik (PA) dan 466 orang pelajar sarjana muda tahun akhir di enam buah fakulti di KUiTTHO telah dipilih secara rawak sebagai responden. Data-data dikumpulkan dan dianalisis menggunakan perisian SPSS Versi 11.5 yang melibatkan statistik deskriptif dan analisis inferensi regresi. Dapatan kajian menunjukkan gaya perkembangan (*developmental*) merupakan gaya penasihat akademik yang paling dominan di KUiTTHO. Selain daripada itu dapatan kajian juga menunjukkan perhubungan antara gaya penasihat akademik dengan keberkesanan pelaksanaan Sistem penasihat akademik adalah lemah dengan nilai korelasi 0.253. Walau bagaimanapun, hanya 6.4% daripada varians dalam keberkesanan pelaksanaan SPA telah diterangkan oleh gaya penasihat pada tahap signifikan 0.05. Hasil analisis juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang kuat antara aktiviti penasihat akademik dengan keberkesanan pelaksanaan SPA dengan nilai korelasi 0.744. Analisis regresi pelbagai menunjukkan bahawa aktiviti penasihat akademik menyumbang kepada 55% varians dalam keberkesanan pelaksanaan sistem penasihat pada tahap signifikan 0.05. Dua pembolehubah aktiviti penasihat (pengembangan keperibadian dan hubungan antara peribadi, dan pengajaran kemahiran individu) merupakan penentu yang paling signifikan dalam keberkesanan pelaksanaan SPA di KUiTTHO. Akhir sekali, kajian ini juga mencadangkan suatu model sistem akademik untuk dipertimbangkan oleh pihak pengurusan SPA KUiTTHO, dan diharapkan dapat meningkatkan lagi keberkesanan pelaksanaan sistem penasihat.

## ABSTRACT

Academic Advising System (SPA) is very important especially in managing the academic issues at any learning institution. SPA can be assumed both as a main service of core business among students and as a service that connects between student academic life and their personal world, towards increasing the holistic developmental of all students. There are two advising styles normally used in the academic advising system, they are prescriptive and developmental. This research was conducted to identify the influences of both the style and activity of academic advising to the implementation effectiveness of academic advising system. This is a survey study in the form of a quantitative research using questionnaire and interview as its instruments. Six hundred and three respondents comprising of 137 academic advisors and 466 final year undergraduates from six faculties in KUiTTHO were selected randomly. Data was collected and later analyzed using SPSS Version 11.5 for descriptive statistic and regression inference analysis. The findings, showed that developmental model is the dominant advising style in KUiTTHO. The findings also showed that there exist low relationship between academic advising style and the effectiveness of academic advising implementation ( $r = 0.253$ ). However, the contribution of this academic advising style to the effectiveness implementation of academic advising system has a variance of 6.4%, and at a significance level of 0.05. The study also showed that there is a strong relationship between academic advising activity and implementation effectiveness of academic advising system ( $r = 0.744$ ). Multiple regression analysis reveals that academic advising activity contributed 55% to the variance of effectiveness implementation of academic advising system at a significance level of 0.05. Two dimensions of advising activity (personal development and interpersonal relationship, and teaching personal skill) are the significant predictors for the effectiveness implementation of academic advising system in KUiTTHO. Finally, this research has suggested a model of academic advising that, hopefully, can be applied by the management of academic advising system in KUiTTHO.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>Muka Surat</b>
	<b>PENGESAHAN STATUS TESIS</b>	
	<b>PENGESAHAN PEMERIKSA</b>	
	<b>HALAMAN JUDUL</b>	<b>i</b>
	<b>HALAMAN PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>iii</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
	<b>KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xiii</b>
	<b>SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL</b>	<b>xvi</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xix</b>
<b>BAB I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	2
	1.3 Pernyataan Masalah	4
	1.4 Tujuan Kajian	6
	1.5 Persoalan Kajian	6
	1.6 Hipotesis	7
	1.7 Skop Kajian	7

1.8	Kepentingan Kajian	8
1.9	Batasan Kajian	9
1.10	Kerangka Teori	9
1.11	Definisi Konseptual dan Pengoperasian	11
1.11.1	Gaya Penasihatatan	11
1.11.2	Aktiviti Penasihatatan	11
1.11.3	Sistem Penasihatatan Akademik	12
1.11.4	Keberkesanan Sistem Penasihatatan Akademik	12
1.11.5	Penasihat Akademik (PA)	12
<b>BAB II</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	<b>13</b>
2.1	Pengenalan	13
2.2	Sejarah Penasihatatan Akademik	13
2.3	Asas-asas Untuk Penasihatatan Akademik	14
2.4	Gaya Penasihatatan Akademik	17
2.4.1	Gaya Preskriptif (Precriptive)	17
2.4.2	Gaya Perkembangan (Developmental)	18
2.4.3	Perbezaan Penasihatatan Priskriptif (Prescriptive) Dan Penasihatatan Perkembangan (Developmental)	20
2.5	Aktiviti Penasihatatan Akademik	22
2.6	Model Struktur Organisasi Penasihatatan Akademik	24
2.6.1	Model Terpusat (Centralized Model)	25
2.6.2	Model Tidak Terpusat (Decentralized Model)	25
2.6.3	Model Perkongsian (Shared Model)	25
2.7	Sistem Penasihatatan Akademik di Institusi Pendidikan Tinggi	26
2.7.1	Sistem Penasihatatan Akademik Institusi Pendidikan Tinggi Di Luar Negara	26
2.7.2	Sistem Penasihatatan Akademik Institusi Pendidikan Tinggi Di Malaysia	35





2.8	Sistem Penasihat Akademik di KUiTTHO	41
2.9	Keberkesanan Perlaksanaan Penasihat Akademik	43
2.10	Pengaruh Gaya Penasihat Terhadap Keberkesanan Perlaksanaan Penasihat Akademik	46
2.11	Kajian Terkini Tentang Penasihat Akademik	47
2.12	Isu-Isu dan Cabaran Proses Penasihat Akademik di Institusi Pengajian Tinggi	52
	2.12.1 Isu Berkenaan Pelajar	53
	2.12.2 Isu Penasihat Akademik	54
	2.12.3 Isu Berkenaan Dengan Kepengurusan	55
2.13	Kompetensi yang Diperlukan oleh Penasihat Akademik	56
2.14	Kesimpulan	60

### **BAB III METODOLOGI KAJIAN**

		<b>61</b>
3.1	Pengenalan	61
3.2	Rekabentuk Kajian	62
3.3	Lokasi Kajian	62
3.4	Populasi Kajian	63
3.5	Persampelan Kajian	63
3.6	Pengumpulan Data	64
	3.6.1 Data Primer	65
	3.6.2 Data Sekunder	65
3.7	Instrumen Kajian	66
	3.7.1 Borang Soal Selidik	66
	3.7.2 Temubual	72
3.8	Kajian Rintis	72
3.9	Kaedah Penganalisan Data	74
3.10	Pengkodan Data Temu Bual	76
3.11	Andaian Kajian	77
3.12	Kronologi Kajian	77



PTA UTHIM  
PERPUSTAKAAN TUNJUKU AMINAH

<b>BAB IV</b>	<b>ANALISIS DATA</b>	<b>79</b>
4.1	Pengenalan	79
4.2	Latar Belakang Responden dan Situasi Penasihat	80
4.3	Prosedur Analisis Data	89
4.4	Dapatan Kajian	90
4.4.1	Gaya Penasihat Akademik yang Dominan di KUiTTHO	91
4.4.2	Aktiviti yang Dijalankan Dalam Pelaksanaan Penasihat Akademik di KUiTTHO	95
4.4.3	Keberkesanan Pelaksanaan Sistem Penasihat Akademik di KUiTTHO	100
4.4.4	Hubungan Antara Gaya Penasihat Akademik Dengan Keberkesanan Pelaksanaan Sistem Penasihat Akademik di KUiTTHO	107
4.4.5	Hubungan Antara Aktiviti Penasihat Akademik Dengan Keberkesanan Sistem Penasihat Akademik	109
4.5	Analisis Soalan Terbuka	112
4.6	Analisis Temu Bual	117
4.6.1	Analisa Temu Bual Dengan Pelajar	117
4.6.2	Analisis Temu Bual Dengan Staf	122
<b>BAB V</b>	<b>PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>124</b>
5.1	Pengenalan	124
5.2	Perbincangan	124
5.2.1	Latar Belakang Responden dan Situasi Penasihat	125
5.2.2	Gaya Penasihat Akademik yang Dominan di KUiTTHO	126



PTTAAUTTHIM

PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

5.2.3	Aktiviti yang Dijalankan Dalam Pelaksanaan Sistem Penasihat Akademik di KUiTTHO	130
5.2.4	Tahap Keberkesanan Pelaksanaan Sistem Penasihat Akademik di KUiTTHO	138
5.2.5	Hubungan Antara Gaya Penasihat Dengan Keberkesanan Pelaksanaan Sistem Penasihat Akademik di KUiTTHO	143
5.2.6	Hubungan Antara Pelaksanaan Aktiviti Penasihat Dengan Keberkesanan Pelaksanaan Sistem Penasihat Akademik di KUiTTHO	145
5.2.7	Cadangan Model Sistem Penasihat Akademik	147
5.3	Rumusan	155
5.4	Cadangan Dan Saranan	159
5.4.1	Cadangan Kepada KUiTTHO	159
5.4.2	Cadangan Kepada Universiti Lain	160
5.4.3	Cadangan Kepada Kajian Akan Datang	160
5.5	Penutup	161
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>162</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>174</b>



**SENARAI RAJAH**

<b>NO</b>	<b>RAJAH</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1	Kerangka Teori Bagi Kajian yang Dijalankan	10
2.1	Carta Alir Khidmat Nasihat Sistem Penasihatatan Akademik di KUiTTHO	43
5.1	Model Sistem Penasihatatan Akademik yang Dicapadangkan	150
5.2	Carta Alir Penasihatatan Daripada Model Sistem Penasihatatan Akademik yang Dicapadangkan	151



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



## SENARAI JADUAL

NO	JADUAL	MUKA SURAT
2.1	Perbezaan Gaya Preskriptif dan Gaya Developmental	21
3.1	Bilangan Populasi dan Sampel Mengikut Fakulti	64
3.2	Spesifikasi Item Gaya Penasihat Akademik	68
3.3	Spesifikasi Item Aktiviti Penasihat Akademik	69
3.4	Spesifikasi Item Keberkesanan Sistem Penasihat Akademik	70
3.5	Skala Likert Empat (4) Tahap Kebenaran	71
3.6	Skala Likert Lima (5) Tahap Kekekapan Aktiviti	71
3.7	Skala Likert Lima (5) Tahap Persetujuan	71
3.8	Skala Likert Lima (5) Tahap Kekekapan Keberkesanan	71
3.9	Kebolehpercayaan Dapatan Kajian Rintis	73
3.10	Ringkasan Bilangan Item Soal-Selidik	75
3.11	Ringkasan Kaedah Analisis Data	76
3.12	Kronologi Kajian	78
4.1	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Fakulti	81
4.2	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Jabatan	82
4.3	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden (PA) Mengikut Pengalaman Menjadi Penasihat Akademik	83
4.4	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden (Pelajar) Mengikut Jantina	83
4.5	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden (Pelajar) Mengikut Bangsa	84
4.6	Tahapan Bilangan dan Peratusan Responden (Pelajar) Mengikut CGPA	85
4.7	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Tempoh Masa Sesi Perjumpaan Setiap Sesi Penasihat	85

4.8	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Kekерapan Sesi Penasihatаn Akademik yang Diberikan di Dua Sesi Tahun 2004	86
4.9	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Kepada Pelajar yang Bermasalah Pernah Dirujuk Pada Kaunselor	87
4.10	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden (PA) Mengikut Nisbah Ideal Antara Penasihat Akademik Dengan Pelajar	87
4.11	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden (PA) Mengikut Jumlah Pelajar di Bawah Jagaan	88
4.12	Skala Likert Empat (4) Tahap Kebenaran & Pengkelasan Kembali (Recode)	90
4.13	Tafsiran Min	90
4.14	Pembahagian Julat Jenis Gaya	91
4.15	Jenis Gaya Penasihatаn Akademik Mengikut Komponen	92
4.16	Frekuensi, Mod, Skor Min Dan Tahap Gaya Penasihatаn Akademik	93
4.17	Maklumbalas Responden Terhadap Setiap Item Dari Tiga Komponen Penting Dalam Gaya Penasihatаn Akademik	93
4.18	Skor Min, Sisihan Piawai Dan Tahap Bagi Setiap Aspek Aktiviti Penasihatаn Akademik	96
4.19	Skor Min, Sisihan Piawai Dan Tahap Setiap Item Lima Aspek Aktiviti Penasihatаn Akademik	97
4.20	Skor Min, Sisihan Piawai Dan Tahap Bagi Setiap Aspek Keberkesanan Sistem Penasihatаn Akademik	101
4.21	Skor Min, Sisihan Piawai Dan Tahap Setiap Item Kepuasan Perkhidmatan (Keberkesanan Sistem Penasihatаn Akademik)	102
4.22	Skor Min Dan Sisihan Piawai Setiap Item Lima Aspek Ketrampilan Penasihat Akademik	103
4.23	Skor Min, Sisihan Piawai Dan Tahap Setiap Item Empat Aspek Tanggungjawab Pentadbiran	106
4.24	Huraian Data Terhadap Nilai Pekali Korelasi, $r$	108
4.25	Analisis Sumbangan Gaya Penasihatаn Akademik Terhadap Keberkesanan Sistem Penasihatаn Akademik	100
4.26	Regresi Pelbagai Antara Aktiviti Penasihatаn Dengan Keberkesanan Perlaksanaan Sistem Penasihatаn Akademik	110



4.27	Maklumbalas Daripada Responden Berkaitan Aktiviti Penasihat Akademik	113
4.28	Maklumbalas Daripada Responden Berkaitan Dengan Keberkesanan Perlaksanaan Sistem Penasihat Akademik	114
4.29	Cadangan Responden Terhadap Aktiviti Penasihat Untuk Meningkatkan Keberkesanan Perlaksanaan Sistem Penasihat Akademik	115
4.30	Pandangan Responden Pelajar Berkaitan Gaya Penasihat	118
4.31	Pandangan Responden Pelajar Berkaitan Aktiviti Penasihat Akademik	119
4.32	Pandangan Responden Pelajar Terhadap Keberkesanan SPA	121
4.33	Pandangan responden Staf	123



## SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL

AAI	<i>Academic Advising Inventory</i>
AAPE	<i>Academic Advisor Performance Evaluation</i>
ADM	Membuat Keputusan Akademik <i>(Academic Decision Making)</i>
Beta	<i>Standardized Coefficients</i>
CAS	<i>The Council for the Advancement of Students</i>
CCAO	Pejabat Penasihat Kursus dan Kerjaya <i>(Career and Courses Advising Office)</i>
CGPA	<i>Cumulative Grade Point Average</i>
EIP	Mempelajari Polisi Institusional <i>(Exploring Institutional Policies)</i>
EOP	<i>Educational Opportunity Program</i>
FAST	<i>Flexible Academic System for Temasek</i>
FKAAS	Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar
FKEE	Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik
FKMP	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan
FPT	Fakulti Pengurusan Teknologi
FPTek	Fakulti Pendidikan Teknikal
FTMM	Fakulti Teknologi Maklumat dan Multimedia
GCU	<i>Glasgow Caledonian University</i>
HEP	Hal-Ekhwal Pelajar
ICT	<i>Information and Communication Technologies</i>
IGS	<i>Interdisciplinary and General Studies</i>
IIUM	Universiti Islam Antarbangsa Malaysia <i>(International Islamic University Malaysia)</i>



JIP	Jabatan Ikhtisas Pendidikan
JKBP	Jabatan Kejuruteraan Bangunan dan Pembinaan
JKBR	Jabatan Kejuruteraan Bahan dan Rekabentuk
JKE	Jabatan Kejuruteraan Elektronik
JKEC	Jabatan Kejuruteraan Komputer
JKKsi	Jabatan Kejuruteraan Komunikasi
JKLA	Jabatan Kejuruteraan Loji dan Automotif
JKM	Jabatan Kejuruteraan Mekanikal
JKMR	Jabatan Kejuruteraan Mekatronik dan Robotik
JKP	Jabatan Kejuruteraan Perisikan
JKPGG	Jabatan Kejuruteraan Pengangkutan, Geoteknik dan Geomatik
JKPI	Jabatan Kejuruteraan Pembuatan dan Industri
JKSAAS	Jabatan Kejuruteraan Sumber Air dan Alam Sekitar
JKSB	Jabatan Kejuruteraan Struktur dan Bahan
JPBHT	Jabatan Pengurusan Binaan dan Harta Tanah
JKP	Jabatan Pendidikan Kejuruteraan
JPT	Jabatan Pengurusan Teknologi
JSM	Jabatan Sistem Maklumat
KUITTHO	Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
KPSPA	Keberkesanan Perlaksanaan Sistem Penasihat Akademik
MP	Mata Pelajaran
n	Saiz Sampel
NACADA	<i>National Academic Advising Association</i>
NTU	<i>Nanyang Technology University</i>
NUS	National University of Singapore
PA	Penasihat Akademik
PDIR	Pengembangan Keperibadian dan Hubungan Antara Peribadi (Personal Development and Interpersonal Relationship)
PE	Pendidikan Keindividuan ( <i>Personalizing Education</i> )
PGCS	<i>Personal Guidance and Counseling Service</i>
PI	<i>Providing Information</i>

PKPP	Pusat Kaunseling dan Pembangunan Pelajar
PKU	Pusat Kesihatan Universiti
PPKK	Pusat Pengajian Kemanusiaan dan Komunikasi
PPAF	Pusat Penasihat Akademik Fakulti
PROKEP	Program Kecemerlangan Pelajar
PTJ	Pusat Tanggungjawab
R	<i>Multiple Correlation</i>
r	Pekali Korelasi
RCS	Pendaftaran dan Jadual Kelas ( <i>Registration and Class Sheduling</i> )
SC	Pemilihan Kursus ( <i>Selecting Courses</i> )
SFSU	<i>San Francisco State University</i>
Sig	Aras Keertian ( <i>Significant Level</i> )
SPA	Sistem Penasihat Akademik
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	<i>Statistical Package For Science Social</i>
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
t	<i>Computed Value of t test</i>
TPS	Pengajaran Kemahiran Individu ( <i>Teaching Personal Skill</i> )
TRA	Timbalan Rektor Akademik
UI	Universitas Indonesia
UK	<i>United Kingdom</i>
UMS	Universiti Malaysia Sabah
UNMC	<i>The University of Nottingham Malaysia Campus</i>
UNR	<i>University Nevada Reno</i>
US	<i>United States</i>
USM	Universiti Sains Malaysia
$\alpha$	<i>Alpha Cronbach</i>
%	Peratus

## SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
<b>A</b>	Borang Soal Selidik	174
<b>B</b>	Pengesahan Borang Soal Selidik	196
<b>C</b>	Jadual Saiz Sampel	207
<b>D</b>	Senarai Nama Responden Kajian Rintis	208
<b>E</b>	Kebolehpercayaan Kajian Rintis	209
<b>F</b>	Data Temu Bual	229
<b>G</b>	Jadual Maklumbalas Responden Terhadap Setiap Item Aktiviti Dan Keberkesanan SPA	240
<b>H</b>	Visi, Misi Dan Falsafah Pendidikan Universiti	262
<b>I</b>	Keputusan Analisis	263



PTTA UTHM  
 PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

# BAB I

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Sistem Penasihat Akademik (SPA) merupakan satu saluran yang membolehkan penasihat akademik (PA) dan pelajar berinteraksi di antara satu sama lain. Ia memberikan peluang kepada PA mengemaskinikan data dan membimbing pelajar sepanjang pengajian mereka. Di samping itu, pelajar pula berpeluang mendapat khidmat nasihat dan bantuan yang berkaitan hal-hal akademik, kebajikan sosial dan disiplin bagi meningkatkan kecemerlangan akademik dan sahsiah mereka.

Dalam beberapa literatur dinyatakan bahawa Penasihat akademik dimasa lalu dikembangkan pada sektor akademik hanya di sebahagian institusi pendidikan tinggi sahaja. Penasihat yang dilakukan oleh fakulti lebih bercirikan tugas-tugas rutin dan pentadbiran seperti menyusun jadual kelas dan menghitung kredit untuk kelulusan pelajar (Winston, 1994) dan (Daller, 1997). Definisi atau gagasan penasihat seperti ini sudah banyak ditentang orang ramai kerana fokusnya yang sempit dalam hal akademik (Crockett dan Levitz, 1984).

O'Banion (1972) menyatakan bahawa amat diperlukan suatu model penasihat akademik yang dikembangkan kerana sistem penasihat harus membantu pelajar dalam memilih suatu program pembelajaran yang akan dapat mengembangkan potensi dalam dirinya. Beliau menyarankan agar pelajar mempunyai peranan yang lebih besar didalam membuat keputusan dan berkongsi tanggungjawab dengan penasihat di dalam proses

penasihat. Seterusnya ia akan menghasilkan suatu sinergi dalam pengajaran dan pembelajaran.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Pendidikan di Universiti adalah usaha berterusan untuk menerajui program akademik yang berorientasikan pasaran dan berfokuskan pelajar menerusi pembelajaran melalui pengalaman (*experiential learning*) untuk menghasilkan sumber manusia terlatih dan profesional sebagai pemangkin ke arah kemajuan negara yang mampan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. Bagi melaksanakan tanggungjawab ini maka pihak Universiti harus lebih mantap dan bersedia, melalui peningkatan perkhidmatan dan keberkesanan Universiti bagi mencapai dan merealisasikan visi dan misi Universiti (Rujuk Lampiran H)

Pelbagai faktor boleh diambil kira dalam memberikan sumbangan terhadap keberkesanan sesebuah universiti, antaranya adalah pelaksanaan Sistem Penasihat Akademik. Penasihat akademik adalah salah satu mekanisma terbaik untuk menunjukkan intelektual personal atau keperibadian dan pengembangan sosial bagi pelajar (Crockett, 1985). Ia adalah merupakan proses sistematik, berdasarkan hubungan pelajar dengan penasihat, difahamkan untuk membantu pelajar dalam mencapai tujuan akademik, tujuan kerjaya dan tujuan keperibadian (Ender, Winston, dan Miller, 1984). Oleh kerana itu penasihat akademik adalah suatu perkhidmatan yang menghubungkan antara hal-hal akademik pelajar dengan dunia keperibadian dan ini bermakna memajukan perkembangan holistik atau menyeluruh bagi pelajar.

Pelajar yang memasuki universiti akan menghadapi pelbagai masalah. Salah satu daripada punca masalah ini ialah kerana sistem pendidikan di sekolah sangat berbeza dengan sistem pendidikan di universiti. Bagi kebanyakan pelajar, kampus ialah titik

peralihan untuk mereka mula berdikari. Seseorang pelajar yang kurang mampu menghadapi cabaran hidup di kampus dan mengikuti proses pembelajaran universiti akan berasa terumbang-ambing. Boleh dikatakan jarang sekali seseorang pelajar yang terlepas daripada menghadapi sebarang masalah semasa pengajiannya di universiti, sama ada masalah pribadi atau masalah akademik. Kedua-dua masalah tersebut ada kalanya berkait begitu rapat dan boleh menjejaskan prestasi akademiknya. Oleh itu pelajar memerlukan khidmat nasihat yang menyeluruh di sepanjang pengajiannya terutama dari aspek-aspek berikut :

- i. Sistem Semester tidak mewajibkan pelajar mengambil semua mata pelajaran yang ditawarkan pada setiap semester. Pelajar perlu memilih dan merancang pengambilan mata pelajaran supaya sesuai dengan kemampuan masing-masing.
- ii. Dalam Sistem Semester, biasanya tidak ada kumpulan atau kelas yang tetap mengikuti semua mata pelajaran bersama. Pelajar mungkin tidak mempunyai kumpulan asas yang menghadapi masalah dan kesulitan yang sama untuk berbincang.
- iii. Sistem Semester adalah sistem pembelajaran yang intensif dan menggunakan kaedah penilaian berterusan. Pelajar perlu menyesuaikan diri dengan sistem ini.

Untuk membantu pelajar menyesuaikan diri serta menyelesaikan masalah-masalah di atas dan seterusnya mendapatkan manfaat sistem ini sepenuhnya, setiap pelajar perlu mendapat bimbingan, dorongan dan nasihat yang sewajarnya. Untuk tujuan ini pihak universiti menyediakan Sistem Penasihat Akademik.

KUiTTHO juga melaksanakan sistem akademiknya berpandukan Sistem Semester. Sistem Semester merupakan sistem yang paling meluas penggunaannya di pusat pengajian tinggi tempatan, dan salah satu ciri Sistem Semester adalah Sistem Penasihat Akademik. Penasihat akademik mula dilaksanakan di KUiTTHO pada sesi 2001/2002.



Sistem Penasihat Akademik adalah penting dalam pengurusan akademik bagi sesebuah institusi pengajian. Sistem Penasihat Akademik merupakan antara perkhidmatan pelanggan yang utama dalam *core business* dikalangan pelajar (pelanggan). SPA juga memainkan peranan untuk memberi perkhidmatan berkaitan peningkatan akademik, kurikulum dan pengajian bagi pelajar sepanjang tempoh pengajiannya di sesebuah institusi pengajian ( Ayob Johari dan Sulaiman Hasan, 2003).

Pengurusan terhadap penasihat akademik merupakan salah satu daripada komponen utama didalam Sistem Pengurusan Akademik Universiti, oleh yang demikian pihak yang dipertanggungjawabkan perlu sentiasa berkebolehan dan berkeyakinan dengan pengetahuan berkaitan penasihat akademik untuk memberi galakan, nasihat, dorongan dan panduan kepada pelajar. Seorang pengurus fakulti atau jabatan harus memastikan perjalanan penasihat akademik ini dilaksanakan dengan berkesan dan memberi manfaat yang berguna kepada pelajar. Pengurusan SPA yang baik dapat membantu melahirkan graduan yang cemerlang, bertanggungjawab, dan berketrampilan serta mampu berdaya saing, seterusnya dapat memperbaiki prestasi sesebuah institusi pengajian tinggi.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Kebelakangan ini isu mengenai Sistem Penasihat Akademik di IPTA di Negara ini sering menjadi tajuk yang hangat diperbincangkan dikalangan staf akademik mahupun pelajar-pelajar. Isu ini adalah berkaitan dengan masalah yang sering mereka hadapi berkaitan dengan SPA. Perkara ini telah menjadi perhatian pada masa kini bagi pihak pengurusan seluruh IPT di tanah air (Mohd Hamdan Abdul Razak, 2004). Seterusnya beliau menyatakan, pelajar berpendapat bahawa Sistem Penasihat Akademik hanya berfungsi untuk menandatangani borang-borang pendaftaran dan pengecualian kredit sahaja ataupun hanya melaksanakan tanggungjawab semasa minggu pendaftaran sahaja. Masalah Penasihat Akademik (PA) yang sukar untuk ditemui pelajar juga timbul. Sekiranya sistem ini tidak dapat dijalankan dengan sempurna maka PA tidak dapat menjadi pemangkin kepada motivasi dan usaha pelajar untuk mencapai kecemerlangan.

Dalam persekitaran yang kompleks dan masalah akademik yang berubah di pendidikan tinggi, penasihat akademik memainkan peranan penting dalam membantu pelajar menghadapi cabaran dan permintaan pendidikan yang berkualiti (Raushi, 1993). Walaupun terdapat pelbagai halangan atau cabaran yang dihadapi oleh pelajar dalam sistem pendidikan tinggi, penyelidikan yang dilakukan untuk menilai keberkesanan SPA amatlah sedikit di peringkat antara bangsa (Cashin dan Palson, 1981). Demikian pula halnya di Malaysia, penyelidikan mengenai SPA di institusi pengajian tinggi adalah masih sangat jarang dilakukan termasuk di KUiTTHO.

Hasil temu bual awal dengan beberapa pelajar dan pensyarah KUiTTHO, ia menunjukkan bahawa masih terdapat banyak halangan dalam proses penasihat akademik terutamanya dari aspek kekurangan kemahiran dalam penasihat akademik serta beban tugas pensyarah yang terlalu banyak. Ini seterusnya menyebabkan kurangnya aktiviti penasihat akademik yang mengakibatkan pula kurangnya perhatian terhadap motivasi pelajar. Lanjutan daripada itu, pegawai di bahagian pengurusan akademik juga mengeluh bahawa mereka agak kurang pendedahan terhadap sistem penasihat akademik yang menyebabkan timbulnya halangan komunikasi antara mereka, bukan sahaja dengan staf bahkan juga dengan pelajar-pelajar.

Oleh yang demikian, kajian ini amat penting dijalankan untuk mengenalpasti gaya penasihat akademik yang dapat memberi impak kepada pembangunan akademik pelajar serta kepuasan staf pentadbiran. Dalam hal ini sudah tiba masanya untuk KUiTTHO membuat suatu kajian keberkesanan sistem penasihat akademik dengan cara mendapatkan maklumat daripada kedua pihak, pelajar dan pensyarah. Seterusnya kajian ini juga telah meninjau corak aktiviti penasihat akademik yang telah dijalankan dan seterusnya mengenalpasti aktiviti tambahan yang perlu dijalankan untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan SPA di KUiTTHO. Akhir sekali satu model awal SPA yang dinamik akan dicadangkan kepada KUiTTHO.

#### 1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti gaya penasihatan akademik yang dominan serta corak aktiviti penasihatan akademik yang dilaksanakan di KUiTTHO. Seterusnya kajian ini juga meninjau sumbangannya terhadap keberkesanan pelaksanaan Sistem Penasihatan Akademik. Maklumbalas dapatan kajian akan membangunkan satu model awalan Sistem Penasihatan Akademik.

#### 1.5 Persoalan Kajian

Bagi mencapai tujuan kajian ini, berikut adalah senarai persoalan kajian untuk dijadikan sebagai panduan mendapatkan keputusan terhadap kajian yang dijalankan:

- i. Apakah gaya penasihatan yang paling dominan dalam proses penasihatan akademik di KUiTTHO ?
- ii. Bagaimanakah corak aktiviti yang dijalankan dalam pelaksanaan SPA di KUiTTHO ?
- iii. Sejauh manakah tahap keberkesanan pelaksanaan SPA di KUiTTHO ?
- iv. Sejauh manakah gaya penasihatan mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan SPA ?
- v. Sejauh manakah aktiviti penasihatan akademik yang dijalankan mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan SPA ?
- vi. Bagaimanakah model pelaksanaan penasihatan akademik yang dapat meningkatkan keberkesanan akademik di KUiTTHO ?

## 1.6 Hipotesis

Berdasarkan persoalan kajian diatas, dua hipotesis telah dihasilkan iaitu:

- i. Hipotesis Nul 1:  
Tiada hubungan yang signifikan antara gaya penasihat akademik dengan keberkesanan pelaksanaan sistem penasihat akademik.
- ii. Hipotesis Nul 2:  
Tiada hubungan yang signifikan antara aktiviti yang dijalankan dalam penasihat akademik dengan keberkesanan pelaksanaan sistem penasihat akademik.

## 1.7 Skop Kajian

Kajian yang akan dijalankan adalah dalam skop berikut:

- i. Penentuan gaya dan penilaian keberkesanan pelaksanaan sistem penasihat akademik adalah berdasarkan kepada pembolehubah daripada instrumen yang diadaptasi dari *Academic Advising Inventory* (AAI) Roger B. Winston & Janet A. Sandor (1984) dan *Academic Advisor Performance Evaluation* (AAPE) University of Washington (2001).
- ii. Gaya penasihat akademik akan ditinjau dari komponen penting dalam penasihat iaitu:
  - a. Pendidikan keindividuan
  - b. Membuat keputusan akademik
  - c. Pemilihan kursus
- iii. Aktiviti penasihat akademik akan ditinjau dari aspek :
  - a. Mempelajari polisi institusi
  - b. Pemberian maklumat
  - c. Pengembangan keperibadian dan hubungan antara peribadi
  - d. Pendaftaran dan jadual kelas
  - e. Pengajaran kemahiran individu



PUBLISHED BY  
PERPUSTAKAAN TUNJUKKAN AMINAH

- iv. Keberkesanan pelaksanaan sistem penasihat akademik akan difokuskan pada :
  - a. Kepuasan perhidmatan.
  - b. Tanggungjawab Penasihat Akademik
  - c. Tanggungjawab pentadbiran.
- v. Hanya meninjau Sumbangan daripada:
  - a. Gaya penasihat terhadap keberkesanan pelaksanaan SPA
  - b. Aktiviti penasihat akademik terhadap keberkesanan pelaksanaan SPA.

### 1.8 Kepentingan kajian

Kajian ini dapat:

- i. Memberi maklumat baru berkaitan dengan gaya penasihat yang dominan yang dilaksanakan dalam pelaksanaan penasihat akademik yang berkesan.
- ii. Memberi maklumbalas serta membantu pengurusan sistem penasihat akademik mengenai pendekatan-pendekatan penasihat akademik yang berkesan serta aktiviti-aktiviti yang perlu dilaksanakan dan diberi tumpuan.
- iii. Membantu keberkesanan Penasihat Akademik untuk meningkatkan lagi kualiti proses penasihat.
- iv. Menghasilkan satu instrumen penilaian keberkesanan pelaksanaan sistem penasihat akademik yang boleh digunakan oleh semua Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia.
- v. Membantu pengurusan sistem penasihat akademik untuk menilai keberkesanan pelaksanaan sistem penasihat akademik.

## 1.9 Batasan Kajian.

Dalam kajian ini, batasan-batasan kajian yang perlu dikenalpasti adalah seperti berikut:

- i. Kajian ini menggunakan borang soal selidik, maka dapatan kajian ini adalah bergantung kepada keupayaan responden dalam menjawab setiap soalan yang diberikan. Ketepatan kajian ini amat bergantung kepada keterbukaan responden dalam menjawab soal-selidik dengan jujur dan ikhlas.
- ii. Kajian ini melibatkan pandangan para Penasihat Akademik dan juga pelajar sarjana muda tahun akhir dari kesemua enam fakulti di KUiTTHO, yang diharapkan dapat meluangkan masa dan memberikan kerjasama untuk menjawab soal-selidik dan temubual yang akan dilakukan.

## 1.10 Kerangka Teori

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka teori kajian yang pembolehubah-pembolehubah daripada; gaya penasihat akademik, aktiviti penasihat akademik dan keberkesanan pelaksanaan sistem penasihat akademik diadaptasi daripada instrument AAI, Winston dan Sandor (1984), dan Instrumen AAPE, University of Washington (2001). Sila rujuk muka surat 10.



Komponen Penasihat Akademik	GAYA PENASIHATAN AKADEMIK	
	PERKEMBANGAN ( <i>Developmental</i> )	PRESKRIPTIFF ( <i>Prescriptive</i> )
Pendidikan keindividuan  ( <i>Personalizing Educations/ PE</i> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mesra, saling percaya, hubungan ada tujuan.</li> <li>Pengalaman penuh pelajar adalah penting.</li> <li>Tanggungjawab bersama untuk kejayaan penasihat.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Hubungan formal dan jauh.</li> <li>Topik/subjek hanya perihal akademik.</li> <li>Penasihat adalah pakar dan bertanggungjawab untuk kejayaan penasihat, sedangkan pelajar hanyalah penerima maklumat.</li> </ul>
Membuat keputusan akademik  ( <i>Academic Decision Making/ ADM</i> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membantu pelajar menilai kemajuan akademik.</li> <li>Percaya kepada pelajar untuk melaksanakan keputusan dan tanggungjawab untuk kejayaan mereka.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memberitahu pelajar apa dan bila patut dilakukan.</li> <li>Keputusan dibuat oleh penasihat untuk pelajar.</li> <li>Memastikan pelajar mengikut arahan mereka.</li> </ul>
Pemilihan kursus  ( <i>Selecting Courses / SC</i> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berkongsi dengan pelajar untuk menilai keperluan kursus.</li> <li>Mencadangkan pertimbangan penting dan merancang jadual.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penasihat bertanggungjawab memilih kursus.</li> <li>Gred dan keputusan ujian dilihat sebagai faktor utama untuk pemilihan kursus.</li> </ul>

Adaptasi daripada instrument AAI, Winston & Sandor (1984)

#### AKTIVITI PENASIHATAN AKADEMIK :

- Mempelajari polisi institusi (*exploring institutional policies / EIP*).
- Pemberian maklumat (*providing information / PI*).
- Pengembangan keperibadian dan hubungan antara peribadi (*personal development and interpersonal relationship / PDIR*).
- Pendaftaran dan jadual kelas (*registration & class scheduling / RCS*).
- Pengajaran kemahiran individu (*teaching personal skill / TPS*).

#### KEBERKESANAN SISTEM PENASIHATAN AKADEMIK

##### 1. Kepuasan Perkhidmatan SPA

- Kepuasan pelajar secara am.
- Ketepatan maklumat.
- Pemberitahuan yang cukup tentang *deadlines*.
- Ketersediaan penasihat.
- Masa yang cukup.

Adaptasi daripada instrument AAI, Winston & Sandor (1984)

##### 2. Keterampilan Penasihat Akademik :

###### Penasihat pelajar :

- Pengetahuan kerja (*job knowledge*).
- Kemahiran memberi kaunseling (*counseling skill*).
- Penilaian keperluan pelajar (*assessment of student needs*).
- Pembentangan (*presentation*).
- Pengembangan profesional (*professional development*).

Adaptasi daripada instrument AAPE, University of Washington (2001)

##### 3. Tanggungjawab pentadbiran :

- Kemahiran hubungan antara peribadi (*inter personal skill*).
- Kemahiran organisasi (*organizational skill*).
- Perancangan dan pentadbiran (*administration and planning*).
- Tanggungjawab penyeliaan (*supervisory responsibilities*).

Adaptasi daripada instrument AAPE, University of Washington (2001)

P  
E  
N  
I  
G  
K  
A  
T  
A  
N  
  
A  
K  
A  
D  
E  
M  
I  
K  
  
P  
E  
L  
A  
J  
A  
R

- CGPA

Kerangka teori kajian bagi model/gaya penasihat akademik [adaptasi daripada instrument AAI, Winston dan Sandor (1984) dan Instrumen AAPE, University of Washington (2001)]

### Rajah 1.1 Kerangka Teori Bagi Kajian yang Dijalankan

## 1.11 Definisi Konseptual dan Pengoperasian

Berikut disenaraikan definisi konsep terhadap beberapa perkataan penting untuk memudahkan pembaca memahami maksud perkataan yang digunakan dalam kajian ini.

### 1.11.1. Gaya Penasihatatan

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, “gaya” didefinisikan sebagai sikap atau cara berkelakuan yang menjadi ciri. Dalam konteks kajian ini, gaya penasihatatan adalah satu jenis atau model pendekatan dalam proses penasihatatan akademik. Gaya penasihatatan akan ditinjau berdasarkan tiga komponen penting dalam penasihatatan akademik iaitu Pendidikan Keindividuan, Membuat Keputusan Akademik dan Pemilihan Kursus (Adaptasi daripada pembolehubah Winston dan Sandor, 1984).

### 1.11.2. Aktiviti Penasihatatan

Aktiviti penasihatatan adalah kegiatan yang berkaitan dengan proses pelaksanaan penasihatatan akademik yang melibatkan pelajar dan PA. Dalam konteks kajian ini aktiviti penasihatatan akademik diukur berdasarkan aspek yang diadaptasi daripada instrument AAI, Winston dan Sandor (1984) iaitu aktiviti yang berkaitan dengan:

- i. Mempelajari polisi institusi (*Exploring Institutional Policies/EIP*)
- ii. Pemberian Maklumat (*Providing Informatio / PI*)
- iii. Pengembangan Peribadi dan Hubungan Antara Peribadi (*Personal Development & Interpersonal Relationships /PDIR*)
- iv. Pendaftaran dan Jadual kelas (*Registration & Class Sheduling / RCS*)
- v. Pengajaran Kemahiran Personal (*Teaching Personal Skill / TPS*)

### 1.11.3. Sistem Penasihat Akademik

Sistem penasihat akademik ialah satu bentuk sistem penasihat kepada pelajar tentang pendidikan, pengajaran dan penilaian bagi mempertingkatkan kecemerlangan akademik. (Buku Panduan Sistem Penasihat Akademik KUiTTTHO, 2005).

### 1.11.4. Keberkesanan Sistem Penasihat Akademik

Keberkesanan sesuatu tindakan itu dapat dilihat daripada hasil yang diperolehi sesudahnya (kamus Dewan, 1993). Keberkesanan juga boleh didefinisikan sebagai sesuatu yang dapat memenuhi keperluan pelanggan. Dalam konteks kajian ini, keberkesanan sistem penasihat akademik didefinisikan sebagai proses penasihat yang dapat memenuhi keperluan pelajar, Penasihat Akademik dan juga pentadbir dan diukur berdasarkan pembolehubah yang diadaptasikan daripada instrument AAI, Winston dan Sandor (1984) dan Instrumen AAPE, University Washington (2001) iaitu :

- i. Kepuasan perhidmatan Sistem Penasihat Akademik: tahap pelajar ataupun PA berpuas hati dengan penasihat yang diterima atau yang diberikan.
- ii. Keterampilan Penasihat Akademik : tahap kekerapan pelaksanaan tanggung jawab penasihat yang merangkumi pengetahuan kerja, kemahiran memberi nasihat, penilaian keperluan pelajar, pembentangan dan pengembangan professional.
- iii. Tanggungjawab pentadbiran: tahap kekerapan pelaksanaan tanggungjawab pentadbiran terdiri daripada kemahiran hubungan antara peribadi, kemahiran organisasi, perancangan dan pentadbiran serta tanggungjawab penyeliaan.

### 1.11.5. Penasihat Akademik (PA)

Staf akademik yang dilantik oleh jabatan sebagai pelaksana penasihat akademik kepada sekumpulan pelajar (buku panduan penasihat akademik KUiTTTHO).

## BAB II

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.1 Pengenalan

Dalam bab ini, penjelasan yang lebih lanjut berkaitan kajian pengaruh gaya dan aktiviti penasihat akademik terhadap keberkesanan pelaksanaan sistem penasihat akademik akan diterangkan berdasarkan pembacaan yang dibuat sebelum menjalankan kajian. Maklumat-maklumat yang diperolehi bertujuan untuk menyokong dan memberikan idea kepada pengkaji dalam menentukan hala tuju kajian ini.

#### 2.2 Sejarah Penasihat Akademik

Sistem penasihat akademik mula diperkenalkan di Amerika pada tahun 1870, seiring dengan sistem mata kuliah pilihan pada kurikulum yang ditawarkan. Sistem penasihat pada masa itu hanya terpusat pada pertanyaan pelajar tentang jadual kuliah dan pendaftaran mata kuliah. Tahun 1900, fungsi fakulti mula berkembang dan pengajaran diperkenalkan pada sistem penyelidikan, seorang pensyarah atau pengajar akan lebih dihargai jika melakukan penyelidikan. Pandangan terhadap pelajar juga berubah terutama yang berkaitan dengan penasihat (Rudolph, 1976). Setelah Perang Dunia II ramai orang menjadi pelajar baru dan fakulti tidak cukup waktu serta staf untuk melaksanakan penasihat terhadap pelajar baru yang begitu ramai, sehingga sistem penasihat dilimpahkan kepada bahagian hal-ekwal pelajar (Grites, 1979). Penasihat akademik mendapat perhatian yang lebih sekitar tahun 1970-1980 an sebagai usaha untuk mencegah pelajar yang kurang berjaya dalam pengajian semakin banyak (Beal dan Noel,

(1980) dan Daller, (1997)). Beberapa pemikir mencadangkan agar diperbaikinya sistem penasihat akademik sebagai usaha untuk menambah kualiti pelajar atau mengurangi pelajar yang terpaksa harus dikeluarkan dari institusi pendidikan tinggi. Anderson (1985) dan Tinto (1975) berpendapat bahawa salah satu cara efektif dan berkesan terhadap kejayaan pelajar di universiti adalah dengan cara pelajar melibatkan diri untuk bergabung dalam kegiatan akademik yang formal maupun yang tidak formal, serta melibatkan diri pada sistem-sistem sosial di kampus. Crookston (1972) dan O'Banion (1972) pula mencadangkan untuk penggunaan teori perkembangan pelajar pada proses pelaksanaan penasihat akademik (penasihat akademik perkembangan).

Mengenai sejarah bermulanya sistem penasihat akademik di institusi pendidikan tinggi di Malaysia, memang tiada data yang dapat dirujuk. Tapi dianggarkan sejak berdirinya institusi pendidikan tinggi yang pertama di Malaysia, penasihat akademik sudah dijalankan walaupun masih bersifat tradisional.

Adapun secara tradisional, penasihat akademik dapatlah ditakrifkan amatlah "preskriptif" dan sangat "autoritatif" (Daller, 1997). Penasihat akademik dapat digambarkan sebagai seorang doktor (pengamal kesihatan) dan pelajarinya adalah pesakit. Pelajar, hanya belajar dengan cara mematuhi arahan atau petunjuk daripada PA.

### **2.3 Asas-asas Untuk Penasihat Akademik**

Menurut Thomas dan Chickering (1984) bahawa memisahkan faktor akademik dengan faktor bukan akademik dalam penasihat adalah sesuatu yang kurang tepat, kerana jika hal itu dilakukan bermakna aspek perkembangan keperibadian secara menyeluruh daripada pelajar yang dinasihat akan kurang mendapat perhatian. Bagaimanapun penampilan akademik seseorang pelajar adalah sangat berkait rapat dengan apa yang mereka rasakan, pengalaman yang diperolehi dan apa yang mereka lakukan dalam perkara bukan akademik. Penggunaan teori perkembangan dalam penasihat sangatlah perlu dan harus mendapat perhatian daripada pihak yang terlibat

dalam aktiviti penasihatan akademik. Hal tersebut didukung pula oleh Perry (1981) yang dalam kajiannya menyatakan adanya empat perkara dalam suatu skema perkembangan etika dan intelektual yang patut diketahui oleh seseorang PA dalam memberikan khidmat proses berfikir kepada para pelajarnya. Empat perkara itu adalah:

(i) Dualisma (*Dualism*)

Pelajar menganggap mereka berada dalam dua kutub yang berbeza seperti menganggap bahawa kebenaran yang mutlak hanya berdasarkan pendapat daripada PA, atau pelajar menganggap apa yang dikemukakan PA belum tentu benar dan mungkin PA hanya menguji dengan maksud agar pelajar mencari sendiri jawapan yang benar.

(ii) Kepelbagaian (*Multiplicity*)

Pelajar dapat memahami adanya pelbagai pendapat daripada PA adalah sesuatu yang logik

(iii) Kerelatifan (*Relativism*)

Pelajar beranggapan bahawa pengetahuan dan nilai, termasuk pula pendapat daripada PA adalah sesuatu yang bersifat relatif dan belum tentu selalu benar.

(iv) Komitmen dalam kerelatifan (*Commitment in relativis*)

Pelajar mulai bersungguh-sungguh melakukan beberapa perkara (misalnya pemilihan subjek).

Thomas dan Chickering (1984) m.s 89,103.

Menurut pendapat Rest (1982) pula, bahawa ada enam tahap yang perlu diambilkira sebagai konsep bagaimana seseorang dapat berkerjasama dengan orang lain. Pada setiap tahap seseorang individu (pelajar) akan mempunyai keadaan dan kemungkinan konsepsi yang berbeza iaitu:

Tahap 1 Orientasi Ketaatan dan Hukuman (*The punishment and obedience orientation*)

Pelajar menerima segala pendapat dan pemikiran daripada PA tanpa mencari kebenaran pendapat tersebut.



- Tahap 2      Orientasi Instrumen yang relative (*The instrumental relativist orientation*)  
Kerjasama dilihat sebagai sesuatu kontrak yang longgar.
- Tahap 3      Orientasi jejak baik-gadis manis (*Good boy – nice girl orientation*)  
Pelajar pada tahap ini biasanya berusaha agar dia disukai oleh PA.
- Tahap 4      Orientasi Arahan dan Undang-undang (*The law and order orientation*).  
Pelajar mengakui adanya peran rasmi setiap orang dalam organisasi sosial (undang-undang rasmi yang harus ditaati).
- Tahap 5      Orientasi Keundangan (*Legalistic orientation*)  
Tahapan ini hampir sama dengan tahap 4 namun menekankan adanya keabsahan bagi setiap orang dalam melakukan sesuatu peranan.
- Tahap 6      Orientasi Prinsip Etika Global (*The universal ethical principle orientation*)  
Pada tahap ini ada usaha dalam melaksanakan nilai-nilai etika yang berlaku secara menyeluruh. Pelajar dan PA dapat bekerjasama dengan baik. Mereka sama-sama berusaha melaksanakan etika tersebut dalam aktiviti penasihat.

Rest (1982) m.s. 103-107.

Jika teori pengembangan diaplikasikan pada aktiviti penasihat di institusi pengajian tinggi, maka beberapa perkara berikut perlu diperhatikan iaitu:

- i. Kesedaran bermaksud PA, harus menyedari bagaimana dia memahami dan difahami oleh orang lain (pelajar), menyedari kekuatan dan kelemahan yang dimiliki, mudah beradaptasi dalam menghadapi situasi pelajar (Sanford, 1966).
- ii. Kemahiran, Setiap PA mempunyai kemahiran dalam khidmat nasihat serta telah mengikuti pelatihan yang cukup, sehingga hubungan penasihat yang terjadi bersifat saling hormat (menghargai) dan penuh komitmen (Health, 1981, dalam Thomas, 1984).
- iii. Variasi dalam tahapan umur, PA sepatutnya berumur lebih tua daripada pelajar dibawah jagaannya.
- iv. Variasi dalam status kitar hayat, PA seharusnya sudah berada pada tahap kitar hayat yang stabil dan mantap secara emosi dan kejiwaan dibandingkan dengan

pelajar yang emosinya kadang tidak terkawal. Hal itu akan membawa kebaikan bagi kedua pihak.

## 2.4 Gaya Penasihat Akademik

Gaya dalam penasihat akademik mempunyai beberapa istilah yang boleh digunakan dan mempunyai definisi yang sama. Oleh itu, perkataan gaya dan model akan sering digunakan dalam laporan ini yang akan memberi maksud yang sama. Ada dua model penasihat akademik yang dominan iaitu: preskriptif dan perkembangan yang akan diuraikan secara terperinci.

Menurut Winston dan Sandor (1984), ada tiga komponen penting penasihat akademik dalam meninjau gaya penasihat perkembangan dan gaya penasihat preskriptif iaitu:

- i. Pendidikan Keindividuan (*Personalizing Education*), bagaimana PA membahas masalah masalah akademik dan masalah personal dengan pelajar.
- ii. Membuat Keputusan Akademik (*Academic Decision Making*), bagaimana PA memfokuskan pada proses dan tanggungjawab untuk pengambilan keputusan akademik terhadap pelajar.
- iii. Pemilihan Kursus (*Selecting Courses*), berkaitan dengan penentuan kursus yang diperlukan dan perancangan jadual kuliah pelajar.

Selanjutnya, gaya preskriptif dan gaya perkembangan akan diuraikan sebagaiberikut:

### 2.4.1 Gaya Preskriptif (*Prescriptive*)

Penasihat preskriptif didasarkan pada suatu hubungan autoritatif (Crookston, 1972). Pelajar bertanggung jawab secara penuh untuk mematuhi atau melaksanakan arahan dari penasihat. Penasihat dalam hal ini adalah seorang tokoh autoritatif yang

mengajar pelajar dan tempat di mana pelajar belajar. Bila mana penasihat memberikan jawapan dan arahan sesuai dengan apa yang ditanyakan pelajar maka tanggung jawab pelaksanaan seratus-peratus di tangan pelajar.

Penasihat yang menggunakan gaya penasihat preskriptif cenderung memfokuskan kepada kekangan pelajar daripada ianya memfokuskan kepada kemampuan atau potensi yang ada pada pelajar. Penasihat kadang-kadang menganggap pelajar masih belum dewasa dan pelajar masih belum mampu membuat keputusan yang benar. Oleh itu penasihat cenderung menetapkan keputusan-keputusan buat pelajar. Dalam model penasihat ini, penasihat nampak seolah-olah lebih *superior* dalam hal pengetahuan akademik maupun status jika dibanding dengan pelajar.

#### 2.4.2 Gaya Perkembangan (*Developmental*)

Berbeza dengan penasihat preskriptif, penasihat perkembangan berasaskan kepada teori perkembangan (Frost, 1991). Penasihat perkembangan adalah terpusat terhadap pelajar (*student centered*) dan pelajar serta penasihat bersama-sama bertanggung jawab dalam membuat suatu keputusan. Fokus adalah proses pembelajaran, sama ada pelajar mahupun penasihat.

Mencuba memahami kemampuan pelajar dan membantu pelajar dalam merancang dan mencapai tujuan yang dikehendaki pelajar, adalah ciri-ciri dari gaya penasihat perkembangan (Crookston, 1972). Mereka membantu pelajar dalam mewujudkan kepuasan yang dapat diperolehi bilamana pengembangan personal dan *self-fulfillment* dapat dipenuhi. Objektif utama daripada hubungan penasihat perkembangan adalah keterbukaan, ketulusan, kepercayaan, kongsi data, dan kerjasama dalam penyelesaian masalah, membuat keputusan, dan penilaian (Crookston, 1972).

Ender, Winston, dan Miller (1982) menjelaskan bahawa penasihat perkembangan adalah suatu proses yang berterusan. Ianya dikembangkan sepanjang

masa dan mengarah kepada pertumbuhan dan perkembangan menyeluruh pelajar. Penasihat membantu pelajar bukan hanya dalam bidang akademik tapi ianya juga dalam hal kerjaya dan matlamat hidup lainnya. Penasihat mempunyai peranan yang besar untuk perkembangan pelajar, walaupun mereka tak mampu melakukan semuanya. Untuk itu mereka berkongsi dengan para pakar atau profesional hal-ehwal pelajar jika ada kemungkinan untuk memberikan program-program tertentu kepada pelajar. Mereka juga sangat mengenal sumber lain di kampus sehingga mereka dapat mengarahkan pelajar merujuk kepada pejabat lain bilamana diperlukan.

Dalam beberapa hal, gaya perkembangan dalam penasihat akademik dapat disamakan dengan kaunseling dalam menjalankan tugas mereka. Kedua-dua PA dan kaunselor memberi maksud yang sama iaitu membantu pelajar dalam menerajui kerjaya akademik mereka. Kedua-duanya mengambil berat dengan perkembangan pelajar dan kedua-duanya juga berharap pelajar berjaya dan menjadi insan yang terbaik (Butler, 1995). Meskipun demikian, ada beberapa perbezaan antara keduanya.

Perbezaan yang pasti antara PA dengan kaunselor adalah daripada segi latihannya. Kaunselor adalah graduan dalam bidang kaunseling atau psikologi, dan telah pula memperolehi lesen dari lembaga profesional. Manakala PA, adalah staf akademik di universiti yang hanya beberapa kali sahaja memperolehi latihan dalam bidang penasihat. PA lebih mengambil berat terhadap isu-isu akademik, membantu pelajar dalam hal-hal pengembangan intelektual (daya fikir), penetapan halatuju kerjaya, dan agar pelajar dapat menamatkan pengajiannya. Kaunselor pula membantu pelajar dalam masalah personal atau keperibadian, isu-isu kehidupan dan pemahaman pelajar terhadap diri mereka sebagai individu (Butler, 1995). PA dan kaunselor, jika dapat bekerjasama, maka mereka akan dapat membantu pelajar menyelesaikan masalah akademik mahupun masalah personal.

### 2.4.3 Perbezaan Penasihat Preskriptif dan Penasihat Perkembangan

Pandangan Crookston (1972) yang menyatakan bahawa kunci kejayaan penasihat akademik adalah melaksanakan aktiviti penasihat dengan gaya perkembangan (*developmental*), bertentangan dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Fielstein, Scoles dan Webb (1992), dimana tidak semua pelajar menyukai gaya perkembangan. Majoriti pelajar lebih menyukai gaya preskriptif untuk aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pemilihan kursus, perancangan jadual kursus, dan prosedur pendaftaran serta syarat penganugerahan. Selain itu hasil tinjauan yang dijalankan oleh Hemwall dan Trachte (1999) pula menyokong dapatan tersebut, mereka menyatakan bahawa sebahagian besar staf fakulti kurang berminat untuk melakukan hubungan secara personal dengan pelajar. Walaupun beberapa bahagian daripada aktiviti penasihat dijalankan dengan kaedah preskriptif, ianya merupakan asas bagi terciptanya hubungan yang mesra sebagaimana gaya perkembangan (Laff, 1994). Walau bagaimanapun penasihat yang baik perlu mengambil faktor-faktor yang terbaik daripada kedua kaedah penasihat ini iaitu preskriptif dan perkembangan (*developmental*). Seseorang PA yang baik dapat mengenalpasti bilamana menggunakan gaya preskriptif dan bilamana pula menggunakan gaya *developmental* didalam memberikan khidmat nasihat kepada pelajar (Appleby, 2001).

Jadual 2.1 menampilkan bermacam-macam perbezaan antara penasihat preskriptif dengan penasihat perkembangan. Secara am perbezaan ini menampakkan bahawa penasihat yang melakukan pendekatan perkembangan secara perlahan-lahan dapat memberi pelajar kemahiran menyelesaikan masalah dan membuat keputusan, mengembangkan proses berfikir yang lebih dewasa dan membantu mereka dalam memperolehi wawasan yang lebih luas lagi berkenaan dengan halatuju mereka sendiri disamping halatuju daripada pendidikan tinggi.

**Jadual 2.1 Perbezaan Gaya Preskriptif dan Gaya Perkembangan**

DIMENSI	PENASIHATAN	
	PRESKRIPITIF	PERKEMBANGAN
Keupayaan	Fokus kepada kekangan. (contoh: PA melihat kerjaya pelajar pada masa lepas untuk meramalkan halangan dimasa hadapan).	Fokus kepada keupayaan terpendam (contohnya: PA melihat kerjaya masa lalu dan aspirasi/ kehendak semasa untuk menghadapi halangan).
Motivasi	Pelajar dianggap sebagai seorang yang malas, kurang bertanggung jawab, dan pada posisi memerlukan bantuan	Pelajar dianggap sebagai seorang yang berkeupayaan, berdaya juang, dan aktif dalam mencari maklumat.
Ganjaran	Pelajar memperolehi motivasi daripada gred, kredit, pendapatan, dan ancaman ibu-bapa	Pelajar memperolehi motivasi daripada penguasaan penuh, pencapaian, pengakuan, status, dan pemenuhan kehendak.
Kedewasaan	Pelajar belum dewasa, kurang bertanggung jawab, dan harus diberikan penyeliaan yang ketat.	Pelajar bertanggung jawab, sudah dewasa, dan berkeupayaan untuk menghalatujui diri sendiri.
Inisiatif	PA mengambil inisiatif untuk memenuhi persyaratan aktiviti penasihat sahaja.	Sama ada PA mahupun pelajar dapat memulakan inisiatif.
Pengawalan	PA adalah autoriti dan memegang hak kawalan.	Kawalan dikongsi bersama dan dibincangkan.
Keluaran pembelajaran	Pelajar belajar daripada PA.	PA dan pelajar kedua-duanya belajar dan berkembang.
Penilaian	PA memberikan penilaian kemajuan pelajar.	Penilaian adalah hasil daripada perkongsian antara pelajar dengan PA.
Keterlibatan kemahiran berpikir	Pasti, tetap dan tak berubah.	Pemahaman, penggunaan, analisis, sintesis dan penilaian.
Anggapan terhadap subjek pilihan	Subjek pilihan adalah kursus-kursus yang mudah, menyenangkan, dapat meningkatkan GPA, dan ditawarkan pada masa-masa yang selesa.	Subjek pilihan adalah kursus-kursus yang membolehkan pelajar meningkatkan pemahaman dalam pengetahuan dan untuk menjadikan diri mereka sebagai individu yang berbeza dengan pelajar setingkat lainnya.
Halatuju peraturan	PA mengusahakan agar pelajar mematuhi dan mengikuti semua aturan dan prosedur	PA akan mengusahakan untuk memodifikasi aturan dan prosedur bilamana hal demikian membawa kebaikan bagi pelajar.



DIMENSI	PRESKRIPITIF	PERKEMBANGAN
Topik perbincangan	PA hanya memperbincangkan hal-hal berkenaan penasihat akademik dan menghindari topik penasihat kerjaya atau personal	Banyak topik dapat diperluas dan diperbincangkan sepanjang sesi penasihat dengan syarat topik-topik itu masih dalam skop PA dalam memberikan bimbingan.
Pengembangan kemahiran	Menekankan pada penyampaian kursus kemahiran (contoh: statistik).	Ditekankan kepada suatu kaedah yang membolehkan pelajar memahami nilai kemahiran yang akan mereka perolehi, dan bagaimana urutan kurikulum akan mendedahkan pelajar kepada kemampuan membina kemahiran-kemahiran ini.
Pemahaman personal	Tidak menekankan kepada pemahaman personal jika pelajar sudah menetapkan sesuatu subjek major.	Pemahaman personal adalah sesuatu yang dapat dikembangkan lagi disepanjang sesi penasihat
Rasional kurikulum	PA tidak menjelaskan mengapa pelajar diharuskan mengambil kelas tertentu, hanya kerana kursus-kursus ini adalah wajib diikuti sebagai syarat dalam menamatkan pengajian	PA memberikan pemahaman secara rasional kepada pelajar mengapa mereka mengambil sesuatu kelas yang mereka ambil.
Hubungan	Hubungan formal terjadi antara PA dengan pelajar, yang adalah berdasarkan kepada status, strategi, permainan dan aras saling percaya yang rendah	Hubungan informal, fleksibel dan pada aras saling percaya yang tinggi terjadi antara PA dengan pelajar

Sumber: Appleby (2001)

## 2.5 Aktiviti Penasihat Akademik

Menurut Winston dan Sandor (1984) untuk mencapai penasihat akademik yang baik, terdapat lima aspek penting dalam menilai pelaksanaan aktiviti penasihat iaitu :

- i. Mempelajari Polisi Institusi (*Exploring Institutional Policies/EIP*)  
Aktiviti yang dilakukan antara lain: menilai kredit pindahan, penentuan subjek major, serta penjelasan polisi akademik lainnya.

- ii. Pemberian Maklumat (*Providing Information/ PI*)  
Aktiviti yang berkaitan dengan pra syarat kursus, peluang kerjaya, bantuan kewangan dan sumber daya atau *resources* kampus.
- iii. Pengembangan Peribadi dan Hubungan Antara Peribadi (*Personal Development and Interpersonal Relationships/ PDIR*)  
Aktiviti yang dilakukan antaranya: Membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan masa depan pelajar, isu-isu sosial, pengalaman kursus, pengalaman mengikuti aktiviti kokurikulum, mendengar pelajar meluahkan perasaan berkaitan dengan perkara akademik. Aktiviti yang dilakukan mengarah kepada terciptanya hubungan yang mesra antara PA dengan pelajar.
- iv. Pendaftaran dan Jadual kelas (*Registration and Class Scheduling/ RCS*)  
Aktiviti yang dilakukan diantaranya iaitu: tanda tangan borang pendaftaran mata pelajaran, menggugurkan atau menambah kursus dan perancangan jadual.
- v. Pengajaran Kemahiran Personal (*Teaching Personal Skill/ TPS*)  
Aktiviti seperti mengajar pelajar tentang pengurusan waktu, cara belajar dan penentuan tujuan pribadi.

Menurut O'Banion, (1972) dan Gordon. (1997), elemen penting daripada proses penasihatan akademik adalah:

- i. Penerokaan Tujuan Hidup (*Exploration Of Life Goals*)  
Iaitu hal-hal yang berkaitan dengan pengetahuan peribadi dan pengembangan pelajar, memahami proses pengambilan keputusan, kemahiran asas dalam pengambilan keputusan, menghargai perbezaan-perbezaan keperibadian, percaya pada nilai dan maruah daripada semua, percaya bahawa semua mempunyai potensi (kemampuan berkembang).

- ii. Penerokaan Tujuan Kerjaya (*Exploration Of Carerr Goals*)  
Iaitu hal-hal mengenai pengetahuan bidang kerjaya, kemahiran dalam menafsirkan ujian, memahami perubahan sifat asas kerja dalam masyarakat dan penerimaan terhadap semua bidang kerjaya baik dan dihormati
- iii. Pilihan Program (*Course Choice*)  
Iaitu hal-hal yang berkaitan dengan pengetahuan program yang tersedia di universiti, pengetahuan persyaratan-persyaratan program (syarat kemasukan khas, bayaran).
- iv. Pilihan Kursus (*Course Choice*)  
Iaitu aktiviti yang berkaitan tentang pengetahuan kursus yang tersedia di universiti, maklumat khas berkenaan kursus (misalnya prasyarat awal, kursus ditawarkan hanya pada masa-masa tertentu, dapat dipindahkan, atau apakah kursus dapat memenuhi kriteria kelulusan universiti),
- v. Jadual Kursus (*Scheduling Courses*)  
Iaitu berkenaan dengan pengetahuan jadual, sistem penjadualan dan perubahan jadual serta kepekaan terhadap syarat-syarat jawatan.

## 2.6

### Model Struktur Organisasi Sistem Penasihat Akademik

Sesuatu program penasihat tidak akan dapat dikembangkan, dinilai, dan diperbaiki tanpa mempertimbangkan konteks organisasinya. Bilamana keperluan untuk melakukan perubahan telah dikenalpasti oleh pelajar, PA ataupun pentadbiran, maka perubahan itu sangat berkait dengan organisasi. Oleh yang demikian model struktur penasihat akademik perlu untuk difahami. Walaupun struktur organisasi penasihat akademik berbeza antara satu institusi pendidikan tinggi dengan institusi pendidikan tinggi lain, Habley (1983) berpendapat bahawa terdapat adanya pola tertentu dalam organisasi penasihat, dan bahkan ada struktur tertentu yang sama pula pada institusi yang mempunyai jenis yang sama. Untuk membezakan antara satu dengan yang lain, organisasi dapat dikelompokkan berdasarkan kepada tingkat keterpusatan (*centralisation*). Adapun model struktur organisasi penasihat akademik akan dihuraikan sebagai berikut:

## BIBLIOGRAFI

- Abdullah Hasan dan Ainon Mohd (2000). *Kemahiran Interpersonal Untuk Guru*. Kuala Lumpur. PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Ahmad Mahdzan Ayob (1997). *Kaedah Penyelidikan SosioEkonomi*. Edisi Kedua. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- American Psychological Association (2001). *Publication Manual*. Washington DC.
- Anderson, E.C. (1985). *Effective Programs and Practices for Reducing the Dropout Rate*. Jossey-Bass: San Francisco.
- Advising Forum (2001) The Mentor An Academic Advising. The Pennsylvania State University. <http://www.psu.edu/dus/mentor/foru0102.htm> (Diakses pada 24/12/2005)
- Appleby, D. (2001). The Teaching Advising Connection Part III. In The Mentor An Advising Journal. State University. 19, 20-24.
- Ayop Johari dan Sulaiman Hasan (2003). *Pengurusan Sebuah Institusi Pendidikan Teknologi: Satu Tinjauan Di KUiTTHO*. Jurnal Pendidikan Teknikal. Jld.1. Jabatan Pendidikan Teknikal. Kementerian Pendidikan Malaysia, 23-29.
- Barak, A. (1990). *Counselor training in empathy by a game procedure*. Counselor Education and Supervision, 29, 170-178.
- Bahagian Pengurusan Politeknik Jabatan Pendidikan Teknikal Kementerian Pendidikan Malaysia (2002). *Buku Panduan Kaedah Pelaksanaan Sistem Penasihatan Akademik DI Politeknik Malaysia*, Kuala Lumpur.
- Beal, P.E. & Noel, L. (1980). *The Report of A Join of The American College Testing Program and The National Center for Higher Education Management Systems*. American College Testing Program and National Center for Higher Education Management Systems: Iowa City.

- Beasley and Fielstein, L. (1986). *Student perceptions of the developmental advisor-advisee relationship*. NACADA Journal, 6, 107-17.
- Bedics, R. A. (1999, July). *Program mapping: Quality control for academic programs. Paper presented at the National/ International Institute on Social Work in Rural Areas*, Orono, ME.
- Biemiller, L. (1986). *Whistles, oinks, and heated debate fill the air as a college gets ready to receive its freshmen*. Chronicle of Higher Education, 33, 64-68.
- Biggs, D.A., Brodie, J.S., & Branhart, W.J. (1975). *The Dynamics of Undergraduate Academic Advising*. Research in Higher Education, 354-357.
- Burns, R. B. (2000). *Introduction to Research Methods: 4<sup>th</sup> Edition*. Logman. Australia.
- California State University Chico (2000). *Effectiveness of Academic Advising services*. Educational Research Journal, 25 (3). 322-342.
- Cashin, W. E. and Palson, C. J. (1981). *Research Priorities For Academic Advising: Result of a Survey of NACADA Membership*. NACADA Journal 1 (1), 34-43.
- Cathy, (2001). *The Developmental of Academic Advising Programs*. NACADA Journal, 8 (1), 31-38.
- Creamer, E.G. (1994) *Planned Change Projects in Academic Advising: A NACADA Research Grant Report*. NACADA Journal, 14(1), 43-45
- Crockett, D. S. (1978). *Academic Advising, Cornerstone of Student Retention*. Jossey-Bass. San Francisco.
- Crockett, D. S. and Levitz, R. S. (1984). *Current Advising Practices in Colleges and Universities*. Jossey-Bass. San Francisco.
- Crockett, D. S. (1985). *Academic Advising Increasing Student Retention*. Jossey-Bass. San Francisco.

- Crookston, B. B. (1972). *A Developmental View of Academic Advising As Teaching*. Journal of College Student Personnel. 12-17.
- Curry (1997). *Academic Advising in Distance Education*. Dissertation at College of William and Mary- Florida.
- Daller M.L. (1997). *The Use Developmental Models By Professional Academic Advisors*. Thesis master of Arts in Education, Virginia Polytechnic Institute and State University Blacksburg, Virginia.
- Deddy Mulyana (2003). *Metodologi Penelitian Kwantitatif, Paradigma Baru Ilmu Komunikasi dan Ilmu Sosial Lainnya*. PT. Remaja Rosdakarya: Bandung.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (1997). *Kamus Dewan Edisi Ketiga*.: Kuala Lumpur.
- Duke, W., & Moxley, L. S. (1988). *Academic interface: A suggested approach*. NASPA Journal, 26, 124-28.
- Easton, M. J (1985). *A cost effective training program for paraprofessionals at a university counseling center*. Journal of Counseling and Development, 64, 151-153.
- Eddy, J. P. & Essarum, C. C. (1989). *Student and faculty perception of university academic advising process*. The College Student Affairs Journsl, 9 (2), 6-13.
- Ellis, T. I. (1991). *Guidance-The heart of education: Three exemplary approaches*. ERIC Digest. ERIC Clearinghouse on Counseling and Personnel Services, Ann Arbor, Mich.
- Ender, S. C., Winston, R. B., & Miller, T.K. (1984). *Academic Student As Student Development*. Jossey-Bass: San Francisco.



Ender, S. C., & Winston, R. B (2002). *Characteristics of Effective Advising Academic*. Jossey-Bass: San Francisco.

Endres, F. F. & Wearden, S.T. (1996). *Job-related Stress Among Mass Communication Faculty*. *Journalism and Mass Communication Educator*, 5(1), 32

Fielstein, L. L. (1987). *Student preferences for personal contact in a student-faculty advising relationship*. *NACADA Journal*, 7, 34-40.

Fielstein, L. L., Scoles, M. T. and Webb, K.J.(1992). *Differences In Tradisional And Nontradisional Srudents Preferences for Advising Services And Perceptions of Services Received*. *NACADA Journal*, 12 (2), 5-12.

Fitzgerald, L. E. (1981). *Academic advisors: The boundary spanners*. Paper presented at the Annual Meeting of the National Academic Advising Association, Indianapolis.

Frank, C. P. (2001). *The Developmental of Academic Advising Programs*. *NACADA Journal*, 8 (1), 11-28.

Friedlander, M. L., et al. (1986). *Effects of role conflict on counselor trainees' self-statements, anxiety level, and performance*. *Journal of Counseling Psychology*, 33, 73-77.

Frost, S. H. (1991). *Academic Advising for Student Success, A System of Shared Responsibility*. The George Washington University: Washington D.C.

Gordon, V. N, (1997). *The Advising Proscess* . The Ohio State University

Grites, T. J. (1979). *American Advising: Getting Us Throug The Eighties*. ERIC Higher Education Researchh NO.7. Washington DC.

Habley, W. R, (1983). *Orcanizational Structures for academic Advising: Model and Implications*. *Journal of Collega Student Personil*. Iowa City.

- Habley, W. R.(1988) *The Status and Future of Academic Advising: Problems and Promise*. Iowa City, Iowa: American College Testing Program.
- Habley, W. R. & Morales, R.H .(1998). *Current Practices in Academic Advising: Final Report on ACT's Fifth National Survey of Academic Advising*. National Academic Advising Association Monograph Series, no. 6, Manhattan.
- Habley, W. R. & Morales, R.H (1998). *Advising Models: Goal Achievement and Program Effectiveness*. NACADA Journal, 18(1), 35-41.
- Habley, W. R. & McCauley (1987). *The Relationship Between Institutional Characteristics and the Organization of Advising Services*. NACADA Journal, 18(1), 27-39
- Habley (2004), *Organizational Structures for Advising*. NACADA Journal, Kansa State University. Manhattan.
- Hemwal. M. K. & Trachte. K.C (1999). *Learning at The Core: Toward a New Understanding Of Academic Advising*. NACADFA Journal, 19 (1), 5-11.
- Hogan, P. M (1991). *Vocational Preparation with a Liberal Arts Framework: Suggested Directions for Undergraduate Psychology Programs*. Teaching of Psychology. 18 (3), 148-153.
- Irawan Soehartono (2002). *Metode Penelitian Sosial*. PT. Remaja Rosdakarya: Bandung
- Kazazes, B. A (1982). *Academic advising for retention purposes*. Jamestown, NC: Guilford Technical Community College.
- Kolej Universiti Tun Hussein Onn (2002). *Buku Panduan Sistem Penasihatatan Akademik*. KUiTTHO: Batu Pahat.
- Kelly, J. (1995). *Faculty Speak to Advising*. New Direction for Teaching and Learning, no. 62. San Francisco, Jossey-Bass.

- Kelly, J. J. (1988). *Developing the advising "tool kit"* NACADA Journal, 8, 81-84.
- Kennedy, D. A. (1976). *Some impressions of competency-based training programs.* Counselor Education and Supervision, 15, 244-250.
- Khadijah Sipan. (2000). *Satu Kajian terhadap Perlaksanaan Sistem Penasihat Akademik Di Institut Teknologi Tun Hussein Onn.* ITTHO. Tesis Sarjana PTV. Tidak diterbitkan.
- Khyasuden Abdul Majid, (1992). *Kertas Kerja: Cadangan Kearah Keberkesanan Sistem Penasihat Akademik di Fakulti Sains Universiti Teknologi Malaysia.* Skudai. UTM.
- Koerin, B. B. (1991). *Improving academic advising: Strategies for change.* NASPA Journal, 28, 232-27.
- Kolej Universiti Tun Hussein Onn (2001). *Prosedur Khidmat Sistem Penasihat Akademik..* RPP-03 KUiTTHO: Batu Pahat.
- Kozloff, J. (1985). *Delivering academic advising: Who, what and how?* NACADA Journal, 69-75.
- Krupka, L. R. & Vener, A.M..(1980). *Academic Advising/Career Counseling and The New College Student.* Journal of College Student Personnel, 21(3), 270-274.
- Krejeie, R. V, & Morgan, D. W (1970). *Determining Sample Size For Research: Educational And Psychological Measurement.*
- Laff, S. N. (1994). *Renconsidering the developmental view of advising: Heve we come a long way?* NACADA Journal, 14 (2), 46-59.
- Layman, R. (1981). *The use of peers as college academic advisors: Reasons and evidence.* (ERIC Document Reproduction Service No. ED 209 599)

Lowry, G. R. & Grites, T.J. (1982). *The Classroom as an Institutional Resource: An Example in Computer-Assisted Advising*. NACADA Journal, 2(2), 76-89.

Metz, T (1978). *Advisor Characteristics Resulting from Selection and Training*. Iowa City: Iowa American College Testing Program.

Mohd. Hamdan B. Abdul Rajak (2004). *Sistem Penasihat Akademik: Perlaksanaannya di Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn. Tesis Sarjana Pendidikan. Tidak diterbitkan.

Mohd. Majid Konting (2000 ). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Universiti Teknologi : Skudai.

Mohd. Najib Abdul Ghafar (2003). *Soal Selidik Pendidikan*. Universiti Teknologi : Skudai.

Mok Soon Sang (1999). *Ilmu Pendidikan Untuk KPLI (Kursus Peguruan Lepas Ijazah)*. Kuala Lumpur. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Miles and Huberman (1984). *Qualitatif Data Analysis*. Sage. Beverly Hills.

Nanyang Technology University (2005). *Academic Advising System*. NTU. Singapore <http://www.ntu.edu.sg/dso/counsellingcentre/>. Diakses pada 13/12/2005)

National University of Singapore (2005). *Academic Advising System*. Singapore <http://www.nus.edu.sg/nusbulletin/0506/Usp/ugrad/advisors.htm> (Diakses pada 13/12/2005)

Norawati Masro (2003). *Kualiti Pengalaman Pembelajaran Pelajar-Pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik di KUiTTHO Dari Aspek Kognitif, Psikomotor dan Afektif*. Tesis Ijazah Sarjana PTV : KUiTTHO. Tidak diterbitkan.

- Northeastern University (2004). *Overview of Academic Advising*. Australia.  
[http://www.casdn.neu.edu/guidebook/fy98\\_99/policies.pdf](http://www.casdn.neu.edu/guidebook/fy98_99/policies.pdf). (Diakses pada 27/6/2005)
- Nutt, C. L. (2000). *One-to-One Advising*. NACADA Publication, 220-237.
- O'Bannion, T. (1972), *An Academic Advising Model*. Junior College Journal. Washington DC, 62-64.
- Office of the Chancellor. (1986). *Academic and career advising: Academic challenges*. Long Beach: California State University, Long Beach.
- Padilla, R. L. & Pavel, D. M. (1994). *Using qualitative research to assess advising*. The Review of Higher Education, 17 (2), 143-159.
- Pardee, C. F. (2000). *Organizational Models for Academic Advising*. NACADA Publication, 192-208.
- Perry, W. G. Jr. (1981). *Cognitive and Ethical Growth: The Making of Meaning*. The Modern American College: Responding to the New Realities of Diverse Students and a Changing Society. San Francisco, Jossey-Bass.
- Perry, W. G. Jr. (1970). *Forms of Intellectual and Ethical Development in the College Years: A Scheme*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Raushi, T. M. (1993). *Developmental Academic Advising V*. NACADA Publication, 209-250.
- Reinarz, A. and White, E. 1995). *Teaching Through Academic Advising: A Faculty Perspective*. New Directions for Teaching and Learning, No. 62. San Francisco
- Rest, J. R. (1982). *A Psychologist Looks at the Teaching of Ethics*. Hastings Center Report, 12(1), 29-36.

Rudolph, F. (1976). The American College Student: From Theologian to Technocrat in 300 Years. National Association of Student Personnel Administrators Journal. 14, 31-39.

Roshaizul Nizam (2005). *Pengaruh Beban Kerja Staf Akademik Terhadap Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Kejuruteraan di KUiTTHO*. Tesis Ijazah Sarjana PTV : KUiTTHO: Parit Raja – Batu Pahat. Tidak diterbitkan.

Sanford, N. (1966). *Self And Society: Social Change And Individual Development*. Lieber Atherton. New York.

San Fransisco State Universiti (2003). *Academic Advising*. San Fransisco. [www.sfsu.edu/acadplan/wascss5f.html](http://www.sfsu.edu/acadplan/wascss5f.html) ( Dikses pada 12/01/2005).

Saunders, S. A & Ervin, L (1984). *Meeting the Special Advising Needs of Student*. San Fransisco. Jossey-Bass Publisher, 250-271.

Suharsimi Arikunto (1998). *Prosedur Penelitian Suatu Pendekatan Praktek*. Edisi Revisi IV. Rineka Cipta: Jakarta.

Singgih Santoso (2004). *Mengatasi Berbagai Masalah Statistik dengan SPSS versi 11.5*. PT Elex Media Komputindo, Gramedia, Jakarta.

Thomas, R. E & Chickering, W. (1984). *Foundation for Academic Advising*. Developmental Academic Advising, San Francisco, Jossey -Bass Publisher, 89-91.

Tinto, V. (1975). Dropouts of American Higher Education: A theoretical synthesis of recent research. Journal of Higher Education Research, 45,89



Tuan Baharom B. Mahmood (2005). *Sistem Penasihatatan Akademik (Satu Pandangan Pribadi)*. Skudai. Universiti Teknologi Malaysia. Tidak diterbitkan.

Temasek Polytechnic (2005). *Academic Advising Helping Students Succeed*. Singapore  
[http://www.tp.edu.sg/admin/iris/CCAO div/fast.htm](http://www.tp.edu.sg/admin/iris/CCAO_div/fast.htm) (Diakses pada 13/10/2005).

The University of Nottingham Malaysia Campus (2005). *Academic advising System*. UNMC Semenyih, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
[http://www.unim.nottingham.ac.my/guide/student\\_responsibilities.html](http://www.unim.nottingham.ac.my/guide/student_responsibilities.html)  
 (Diakses pada 10/10/2005).

Tri Country Technical College (2004) *Effectiveness of Academic Advising. Assessment Report*. USA: American College Testing.

University of Washington. (2001). *Instrument Academic Advisor Performance Evaluation.*: Washington D.C.  
<http://www.washington.edu/students/ugrad/advising/advisers/evalproc.html>.  
 (Diakses pada 27/9/2004).

University of Northern Colorado (2002). *Undergraduate Academic Advising Survey, Final Report*. UNC. Colorado.

University Of Nevada Reno (2003). *The Departement Academic Advising Survey*. Assessment Report. UNR. Nevada.

Univerity of Wisconsin (2004). *Evaluating Academic Advising*. Green Bay. Journal of College Student Development. 29 (3). 223-227.

Universiti Islam Antara Bangsa Malaysia. (2005). Sistem Penasihatatan Akademik.  
[www.iiu.edu.my/ug\\_student.shtml?pg=05](http://www.iiu.edu.my/ug_student.shtml?pg=05) (Diakses pada 10/10/2005)

- Universiti Malaysia Sabah (2005). Sistem Penasihat Akademik. UMS  
<http://umtp.ums.edu.my/kal/pelajar/lain-lain.asp> (Diakses pada 10/10/2005)
- Universitas Indonesia (2004). *Penasehat Akademik*. Jakarta. [http://www.law.ui.ac.id/lama/bukumerah/system\\_pendidikan.htm#d](http://www.law.ui.ac.id/lama/bukumerah/system_pendidikan.htm#d). (Diakses pada 12/10/2005)
- Wade, B. K. & Voder, E. P (1995). *The Professional Status of Teachers and Academic Advisers: It Matters*. New Direction for Teaching and Learning, no. 62. San Francisco: Jossey-Bass.
- Waggenspack, B. M. & HERNSELY, W. E (1992). *The State of Communication Undergraduate Academic Advising*. ACA Bulletin, 82, 18-27.
- Wilder, J. R (1982). *Academic and Career Advising: Institutional Commitment and Program Recommendations*. Peabody Journal of Educations. 59 (2), 107-111.
- Winston, R. B., Ender, S. and Miller, T (1982). *Developmental Approaches to Academic Advising*. New Directions for Student Services, No. 17. San Francisco: Jossey-Bass.
- Winston, R. B., Miller, T., Ender, S., Grites, T. and Associates, eds (1984) *Developmental Academic Advising*. San Francisco: Jossey-Bass. LC catalog number: LB2343 .D42 1984
- Winston, R. B. and Sandor, J.A (1984). *The Academic Advising Inventory*. Athens, GA: Student Development Associates, Inc.
- Winston, R. B (1994). *Developmental Academic Advising Reconsidered: Chimera or Unrealized Portentiality?* NACADA Journal 14 (2), 112-116.
- Yusuf Mupangga (2002) *Hubungan Ketrampilan Dasar Komunikasi dengan Efektifitas Penasehatan Akademik Di Universitas Negeri Malang*. Tesis Master Pendidikan. Malang. Jawa Timur. Tidak diterbitkan.

Zhang, C. & Farley, J.E. (1995). *Gender and the Distribution of Household Work: A Comparison of Self-Reports by Female Faculty in the United States and China*. *Journal of Comparative Family Studies*, 26(2), 195-206.

Zulkarnain Zakaria dan Hisahamuddin Md. Som (2001). "*Analisis Data Menggunakan SPSS Windows*". Skudai: Universiti Teknologi Malaysia



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH